

DB93

R B434 DEB
MAHATHIR-PTD

EMBARGO: UNTUK SIARAN SELEPAS 11 MALAM INI.

KUALA LUMPUR, 9 NOV. (BERNAMA) -- PERDANA MENTERI BERKATA, PARA PEGAWAI KANAN KERAJAAN DAN PEMIMPIN POLITIK HENDAKLAH MENJADIKAN DASAR-DASAR YANG DIPERKENALKAN OLEH KERAJAAN SEBAGAI KENYATAAN.

DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD BERKATA, ANTARA DASAR UTAMA YANG SEDANG DIUTARAKAN OLEH KERAJAAN SEKARANG IALAH PENERAPAN NILAI-NILAI ISLAM DALAM PENTADBIRAN DAN PANDANG KE TIMUR.

TUGAS UTAMA IALAH MEMAHAMI DASAR ITU DAN BAGAIMANA HENDAK MELAKSANAKANNYA, KATANYA KETIKA BERUCAP PADA MAJLIS MAKAN MALAM ANJURAN PERSATUAN PERKHIDMATAN TADBIR DAN DIPLOMATIK, DI DEWAN MERDEKA, PUSAT DAGANGAN DUNIA PUTRA (PDDP) DI SINI MALAM INI.

BELIAU BERKATA, APA YANG DIMAKSUDKAN DENGAN PENERAPAN NILAI ISLAM ITU IALAH NILAI-NILAI SEPerti AMANAH, TANGGUNGJAWAB, KEIKHLASAN, DEDIKASI DAN NILAI MURNI DAN MULIA YANG LAIN DI SISI ISLAM YANG DIJADIKAN NILAI UTAMA UNTUK DIAMALKAN DALAM JENTERA DAN PENTADBIRAN KERAJAAN.

+CIPTAAN RUPA BENTUK ISLAM YANG LEBIH GHAIRAH DITEKANKAN DARIPADA NILAI-NILAI SUCI ITU, TIDAK AKAN MEWUJUDKAN PENTADBIRAN YANG BERKESAN YANG DIBANGGAKAN OLEH ORANG ISLAM DAN DIHORMATI OLEH ORANG LAIN,+ KATANYA. -- LAGI.

MAHATHIR-PTD 2 KUALA LUMPUR (EMBARGO)

PENEKANAN ITU, KATA BELIAU, TIDAK AKAN MENJADIKAN ISLAM SEBAGAI SATU CARA HIDUP YANG MENARIK, DAN KERANA KEGAGALAN PENTADBIRAN YANG DILAUNGAN SEBAGAI BERASASKAN NILAI ISLAM, IMAN ORANG ISLAM SENDIRI AKAN MENJADI LEMAH MENYEBABKAN PIHAK LAIN AKAN MEMANDANG HINA KEPADA ISLAM.

BELIAU JUGA MENEGASKAN BAHAWA SESIAPA YANG SENGAJA MEMESONGKAN TUJUAN PENERAPAN NILAI-NILAI ISLAM TIDAK SYAK LAGI TELAH MENGKHIANATI AGAMA ISLAM.

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA, JURANG ANTARA DASAR DENGAN PELAKSANAAN ADALAH AMAT LUAS, KERANA INTREPRETASI DASAR OLEH PARA PEGAWAI KADANG-KALA DIBUAT TANPA RUJUKAN.

PERDANA MENTERI MENGAMBIL CONTOH, APABILA BELIAU BERKATA DASAR PANDANG KE TIMUR, RAMAI YANG MENAFSIRKANNYA SUPAYA MEMBELI BARANGAN, MEMBERI KONTRAK DAN SEBAGAINYA KEPADA NEGARA-NEGARA TIMUR ATAU SYARIKAT MEREKA, SEDANGKAN PENAFSIRAN ITU SALAH.

MENGENAI PENERAPAN NILAI-NILAI ISLAM PULA, BELIAU BERKATA RAMAI YANG MENGANGGAP DASAR ITU SEBAGAI +OPEN-CHEQUE+ YANG MEMBOLEHKAN MEREKA BERBUAT APA SAHAJA ATAS NAMA PENERAPAN NILAI-NILAI ISLAM. -- LAGI.

MAHATHIR-PTD 3 KUALA LUMPUR (EMBARGO)

MENGENAI LANGKAH-LANGKAH MENGHADAPI KEMELESETAN EKONOMI SEKARANG, PERDANA MENTERI BERKATA RAKYAT HARUS MENKAJI DAN MENUKAR SIKAP DENGAN MENGAKUI HAD KEUPAYAAN DAN HIDUP MENGIKUT KEUPAYAAN ITU, DAN JANGAN BERSIKAP +BIAR PAPA, ASALKAN BERGAYA.+

KEMENTERIAN KEWANGAN JUGA SEDANG MEMBUAT KAJIAN MENGENAI PERKARA ITU DAN AKAN MENGAMBIL TINDAKAN SEWAJARNYA, KATA BELIAU.

BELIAU JUGA MENEKANKAN MENGENAI PENINGKATAN PRODUKTIVITI DAN MENGULANGI SYORNYA SUPAYA KAKITANGAN KERAJAAN MENYUMBANGKAN SEKURANG-KURANGNYA 15 MINIT LEBIH DARIPADA WAKTU KERJA YANG DITETAPKAN.

KATANYA, JIKA SESAORANG PEKERJA ITU MENYUMBANGKAN WAKTU 15 MINIT ITU, NEGARA AKAN MENAMBAH SEBANYAK 3,500,000 +MAN-DAYS+ ATAU 10,000 +MAN-YEARS BAGI SETIAP TAHUN.

+JIKA SEKARANG KITA BEKERJA 7 JAM SEHARI, BEKERJA 15 MINIT LEBIH LAGI AKAN BERMAKNA TAMBAHAN SERAMAI 1,400 KAKITANGAN, + KATA BELIAU. -- LAGI.

D900

R B438 DEB
MAHATHIR-PTD 4 KUALA LUMPUR (EMBARGO)

DATUK SERI DR. MAHATHIR JUGA MENJELASKAN PERLUNYA MENGECILKAN SAIZ PERKHIDMATAN AWAM DAN MENINGKATKAN KEUPAYAAN MENTADBIR.

KATANYA, BEBAN KEWANGAN BAGI MENANGGUNGINYA ADALAH TERLALU BESAR DAN AKAN MENJADI LEBIH BESAR APABILA KAKITANGAN YANG BERSARA MENINGKAT SEDANGKAN PENGGANTI MEREKA TERUS KEKAL PADA PARAS BILANGAN YANG TINGGI.

BAGAIMANAPUN, BELIAU MEMBERI JAMINAN BAHAWA PENGURANGAN SAIZ PERKHIDMATAN AWAM TIDAK AKAN MENURUNKAN KEUPAYAAN PENTADBIRAN NEGARA.
-- BERNAMA.

2129MST 09 11 85